

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEJABAT BENDAHARI

UTHM.PB/100.6/4 (9 )

30 April 2008

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2008**

**Semua Pengurus Bahagian**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Batu Pahat, Johor

Y Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PERATURAN PEMBIAYAAN TERBITAN JURNAL AKADEMIK BERBAYAR**

Tujuan pekeliling ini adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai peraturan pembiayaan terbitan jurnal akademik berbayar sama ada di dalam atau luar negara.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Lazimnya hasil penemuan dan kajian oleh staf/penyelidik akan diterbitkan sebagai salah satu artikel dalam jurnal.
- 2.2 Pada ketika ini, terbitan jurnal akademik Universiti menggunakan peruntukan penyelidikan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi dan tiada peruntukan mengurus yang dibenarkan di bawah Fakulti/Pusat.
- 2.3 Universiti perlu ada satu mekanisma yang jelas dari segi prosedur dan sumber pembiayaan bagi melancarkan proses penerbitan.
- 2.4 Salah satu kriteria utama yang diambil kira dalam penaraan dan penarafan sesebuah IPTA adalah dengan melihat kemampuan para penyelidiknya menghasilkan terbitan ilmiah khasnya dalam jurnal yang berimpak tinggi.
- 2.5 Jurnal yang berimpak tinggi yang ditakrifkan oleh "*The Institute of Scientific Information ® (ISI®)*" ialah "*Calculated based on a three-year period. It can be viewed as an approximation of the average number of citations in a year, given to those papers in a journal that were published during the two preceding years. For example, the 2003 impact factor for a journal would be calculated as follows:*  
*A = the number of times articles published in 2001-2 were cited in indexed journals during 2003*  
*B = the number of "citable items" (usually articles, reviews, proceedings or notes; not editorials and letters-to-the-Editor) published in 2001-2*  
*2003 impact factor = A/B*

*(note that the 2003 impact factor was actually published in 2004, because it could not be calculated until all of the 2003 publications had been received.) “*

- 2.6 Jawatankuasa Eksekutif pada Mesyuarat Bil.1/2008 bertarikh 22 Januari 2008 telah meluluskan peraturan pembiayaan terbitan jurnal akademik berbayar untuk diterima pakai.

### **3.0 PERATURAN PEMBIAYAAN TERBITAN JURNAL AKADEMIK**

- 3.1 Pembiayaan terbitan jurnal akademik boleh menggunakan peruntukan mengurus di bawah Fakulti/Pusat atau geran penyelidikan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- 3.2 Syarat Kelulusan Pembiayaan Terbitan Jurnal Akademik
- 3.2.1 Staf perlu mengemukakan borang permohonan, artikel yang hendak diterbitkan, pengesahan 'Impact Factor' berserta sebutuharga daripada penerbit jurnal kepada Pejabat Penerbit. Permohonan yang telah disahkan oleh Pejabat Penerbit hendaklah dikemukakan kepada fakulti/pusat untuk diproses pembayarannya. Borang permohonan boleh diperolehi di Pejabat Penerbit.
- 3.2.2 Staf perlu meletakkan nama Universiti dalam artikel yang diterbitkan.
- 3.2.3 Penulis jurnal mestilah merupakan penulis utama artikel.
- 3.2.4 Jurnal yang diterbitkan hendaklah mempunyai nilai 'Impact Factor'.
- 3.2.5 Staf perlu merekodkan maklumat berkenaan artikel yang telah diterbitkan dalam Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU).
- 3.2.6 Staf perlu mengemukakan permohonan sebelum menerbitkan artikel. Sebarang tuntutan selepas artikel diterbitkan tidak akan dilayan.

### **4.0 KUAT KUASA PEKELILING**

Pekeling ini adalah berkuat kuasa bermula pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y Bhg.Dato'/Prof./Tuan/Puan supaya dapat memanjangkan kepada pegawai PTJ yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,

**HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari  
Samb.7050

- s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Ketua Audit Dalam